Nynorsk

Nynorsk, secara harfiahnya **Bahasa Norway Baru** atau **Bahasa Norse Baru**, ialah salah satu daripada dua jenis piawaian bahasa bertulis bagi Bahasa Norway, selain Bokmål. Dari tahun 1885, apabila parlimen mengisytiharkan mereka adalah rasmi dan saksama, sehingga pengundian baru pada 1929, nama mereka adalah Landsmål dan Riksmål. Piawaian bahasa Landsmål telah dihasilkan oleh ahli bahasa Norway Ivar Aasen ketika pertengahan abad ke-19, untuk menyediakan alternatif berasaskan bahasa Norway berbanding bahasa Denmark, yang biasanya ditulis dan sediki-sebanyak dituturkan di Norway pada waktu itu. Piawaian rasmi Nynorsk sejak itu telah diubah dengan ketara. Satu pecahan kecil yang mempertahankan penggunaan Nynorsk yang lama berasaskan norma Aasen turut wujud dan dikenali sebagai Høgnorsk (Bahasa Norway Tinggi).

Dalam masyarakat tempatan, satu perempat perbandaran di Norway mengisytiharkan Nynorsk sebagai bentuk bahasa rasmi mereka dan perbandaran ini mewakili 12% populasi Norway. Perbandaran-perbandaran yang lain sesetengahnya mengambil pendekatan neutral dan sesetengahnya juga mengguna pakai Bokmål sebagai bentuk yang rasmi. Empat daripada 19 kaunti Norway iaitu Rogaland, Hordaland, Sogn og Fjordane dan Møre og Romsdal memilih Nynorsk sebagai bentuk bahasa rasmi. Keempat-empat kaunti itu merangkumi kawasan Norway Barat.

Lihat juga

- Bokmål

Pautan luar

- Noregs Mållag (http://www.nm.no/) Noregs Mållag - organisasi utama yang mempromosikan Nynorsk
- Norsk Målungdom (http://www.nynorsk.no/nmu/) Norsk Målungdom - pertubuhan belia bagi Noregs Mållag
- Ivar Aasen-tunet (http://www.aasentunet.no/default.asp?menu=94) *Pusat Ivar Aasen* - pusat kebangsaan untuk mendokumenkan dan mengalami budaya penulisan Nynorsk dan satu-satunya muzium dalam negara yang ditujukan untuk kehidupan dan karya Ivar Aasen

Bahasa Norway Nynorsk	
	nynorsk
Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	Norway
Penutur asli	tiada (*tiada tarikh*) (bertulis sahaja)
Keluarga bahasa	Indo-Europah ▪ Jermanik ▪ Jermanik Utara ▪ Skandinavia Barat ▪ *Dialek-dialek bahasa Norway* ▪ **Bahasa Norway Nynorsk**
Bentuk-bentuk awal:	Bahasa Norse Barat Lama ▪ Bahasa Norway Lama ▪ Bahasa Norway Tengah ▪ *Dialek-dialek bahasa Norway* ▪ Landsmål ▪ **Bahasa Norway Nynorsk**
Borang standard	Nynorsk (rasmi) Høgnorsk (tidak rasmi)
Sistem penulisan	Rumi (abjad Norway)
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Norway Majlis Nordik
Dikawal oleh	Majlis Bahasa Norway
Kod bahasa	
ISO 639-1	`nn`
ISO 639-2	`nno`
ISO 639-3	`nno`
Linguasphere	`52-AAA-ba to -be`

- Norsk programvareblogg (http://norskprogramvareblogggnn.blogspot.com/) - Koleksi atur cara dalam Nynorsk

Wikipedia ***Nynorsk***, ensiklopedia bebas

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_Norway&action=edit)

Bahasa Norway

Abjad

(Æ · Ø · Å · Braille bahasa Norway)

· Fonologi · Masalah bahasa Norway · Sastera

Keragaman	Tuturan	Barat dan selatan	Bergensk · Sognamål · Vestlandsk
		Timur	Vikværsk
		Lain-lain	Bahasa Denmark-Norway (sejarawi) · Kebabnorsk · Russenorsk (pijin Rusia-Norway pupus) · Trøndersk · Valdris
	Tulisan	Bokmål (rasmi) · Høgnorsk · Nynorsk (rasmi) · Samnorsk · Riksmål	
Topik lain	Perbandingan bahasa Norway Bokmål dengan bahasa Denmark baku · Bahasa isyarat Norway · Profaniti · Svorsk		
Institusi	Noregs Mållag · Akademi Norway · Dewan Bahasa Norway · Persatuan Riksmål		

Kawalan kewibawaan GND: 4101875-8 (https://d-nb.info/gnd/4101875-8)

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Nynorsk&oldid=4569720"

Laman ini kali terakhir disunting pada 18:34, 23 April 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.